



SIARAN MEDIA

HIKPKT 2025 CATAT REKOD PENYERTAAN TERTINGGI, PERKUKUH BUDAYA INOVASI SEKTOR AWAM

PUTRAJAYA, 9 Oktober 2025 – Sambutan Hari Inovasi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (HIKPKT) Tahun 2025 telah berlangsung dengan jayanya di Dewan Kristal, KPKT, pada petang ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming yang merasmikann HIKPKT berkata ia memainkan peranan yang penting dalam mengiktiraf usaha, idea, kreativiti dan hasil projek inovasi warga KPKT.

Bertemakan "Inovasi Melonjak Prestasi, Menggalang Aspirasi MADANI", HIKPKT 2025 bukan sahaja mampu menambah baik keberkesanan penyampaian perkhidmatan melalui penghasilan projek-projek inovasi yang berkualiti dan berimpak tinggi, malah turut menyemai budaya inovasi secara berterusan dalam kalangan warga kerja KPKT selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

“Peningkatan rekod penyertaan HIKPKT tahun ini juga amat memberangsangkan sekali gus mencerminkan jiwa inovasi serta kreativiti warga kementerian,” ujar beliau.

Beliau turut menggalakkan penyertaan projek inovasi warga KPKT untuk mara ke peringkat nasional dan antarabangsa.

HIKPKT 2025 menampilkan pendekatan baharu melalui penganjuran Pertandingan Inovasi KPKT yang julung kali diadakan dengan tiga (3) kategori utama iaitu :

- i. **Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (Kategori Bahagian / Unit);**
- ii. **Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (Kategori Jabatan/Agensi) ;**
dan
- iii. **Pertandingan Anugerah Inovasi Menteri KPKT.**

Selain daripada itu, HIKPKT tahun ini mencatatkan jumlah penyertaan yang tertinggi dalam sejarah Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KPKT dengan 68 penyertaan projek inovasi daripada warga KPKT. Penyertaan tersebut merangkumi:

- Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif – 53 projek inovasi
- Anugerah Inovasi Menteri (AIM)– 15 projek inovasi

HIKPKT 2025 turut memperlihatkan penyertaan yang menggalakkan bagi sembilan (9) sub kategori yang dipertandingkan dan menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM30,400.00. Kategori yang dipertandingkan adalah:

1. Anugerah Inovasi Menteri (AIM);
2. Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif Terbaik (Kategori Bahagian / Unit);
3. Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif Terbaik (Kategori Jabatan / Agensi);
4. Anugerah Inovasi Harapan;
5. Anugerah Dokumentasi Terbaik (KIK) (Kategori Bahagian/ Unit);
6. Anugerah Dokumentasi Terbaik (KIK) (Kategori Jabatan / Agensi);
7. Anugerah Persembahan Terbaik (KIK) Kategori Bahagian/ Unit);
8. Anugerah Persembahan Terbaik (KIK) (Kategori Jabatan / Agensi); dan
9. Anugerah Pameran Terbaik

Penilaian pertandingan telah dilaksanakan semasa Konvensyen KIK KPKT pada 2 September 2025 hingga 19 September 2025 di KPKT.

Sembilan panel hakim, diketuai oleh YBrs. Dr. Sharmila binti Mohamed Salleh , Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) telah dilantik untuk menilai dan menentukan projek inovasi yang terbaik mengikut kategori pertandingan masing-masing.

Anugerah Inovasi Menteri (AIM) merupakan pengiktirafan tertinggi yang dipertandingkan dan pemenang pertandingan di bawah kategori ini akan menerima hadiah wang tunai sebanyak RM5,000 berserta piala dan sijil penyertaan.

Seterusnya bagi Naib Johan dan Tempat Ketiga pula masing-masing akan menerima wang tunai sebanyak RM3,000 dan RM2,000 beserta Sijil Penghargaan.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 / Faks : 03-8891 5557 / E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
KPKT